

Kandungan

m/s

- 1 (١) التوحيد كما أتى به القرآن
Ilmu Tauhid mengikut petunjuk al Quran
- 8 (٢) نَشَأُ عِلْمِ الْكَلَامِ
Kemunculan Ilmu Kalam
- 10 (٣) نَشَأُ الْفِرْقِ الْإِسْلَامِيَّةِ
Kemunculan Kumpulan-Kumpulan Islam
- 12 (٤) الْمُعْتَرِلَةُ
Mu'tazilah
- 15 (٥) أَهْلُ السَّنَةِ
Ahli Sunnah wal Jamaah
- 19 (٦) مَبَادِيءُ عِلْمِ التَّوْحِيدِ
- Asas ilmu Tauhid
- 22 (٧) مَبْحَثُ الْحُكْمِ
Perbahasan Hukum
- 28 (٨) مَبَايِطُ الْمَعْرِفَةِ
Perbahasan Mengenal Allah swt

التَّوْحِيدُ

TAUHID

Tingkatan 3

ILMU TAUHID BERDASARKAN AL-QURAN

Pendahuluan:

Penjelasan tentang apa yang seru oleh Al-Quran

Allah swt mengutuskan nabi Muhammad saw dengan petunjuk dan agama yang benar untuk menonjolkannya berbanding semua agama yang lain. Allah swt menurunkan Al-Quran kepada baginda sebagai satu mukjizat baginya dan sumber agama yang menjadi dakwahnya.

Dakwahnya merangkumi dua perkara:

Pertama: Aqidah (tauhid)

Kedua : Taklif syarak (tuntutan syarak)

Akidah ialah apa yang diseru oleh Rasulullah supaya menyakini dan beriman dengannya. Ianya perkara yang berkaitan dengan Allah, para malaikat, kitab-kitab, para rasulNya, dan hari Akhirat.

Ianya juga adalah dakwah semua nabi sebelum baginda. Firman Allah swt: "Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang la tetapkan hukumnya apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: Tegakkanlah pendirian agama dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya.". (Surat as-Syura : 13), tetapi dalil tentang segala akidah dan wajib beriman dengannya dalam agama-agama terdahulu telah dinyatakan dalam kitab suci dan atau berita yang disampaikan oleh para rasul..

Keistimewaan dakwah Al-Quran bagi akidah ini ialah tuntutan berfikir tentang tanda-tanda kekuasaan Allah swt pada alam ini sebagai menghormati akal fikiran dan memberi penekanan padanya.

التوحيد كما أتى به القرآن

تمهيد :

بيان ما دعا إليه القرآن

أرسل الله سيدنا مُحَمَّدًا بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله وأنزل عليه القرآن الكريم معجزة له ومصدر الدين الذي يدعو إليه.

وقد اشتملت دعوته على أمرين :

أحد هما : العقيدة (التوحيد)

وثانيهما : التكاليف الشرعية

العقيدة : هي ما دعا الرسول إلى اعتقاده والإيمان به، وهو ما تعلق بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر.

وهي دعوة جميع الأنبياء قبله . قال تعالى : ﴿ شرع لكم من الدين ما وصى به نوحا والذي أوحينا إليك وما وصينا به إبراهيم وموسى وعيسى أن أقيموا الدين ولا تتفرقوا فيه ﴾ (سورة الشورى : ١٣)، لكن البرهان على العقائد و وجوب الإيمان بها في الأديان السابقة هو ذكرها في الكتاب المقدس أو أخبار الرسل .

وأمثال ذلك دعوة القرآن للعقيدة بمطالبة العقول في آيات الله الكونية احتراماً للعقول وتنبئها لها .

Taklif syarak (perkara cabang agama) adalah peraturan yang ditetapkan Allah swt kepada hamba-hamba-Nya untuk digunakan oleh seseorang pada dirinya dalam hubungannya dengan Tuhannya, hubungannya sesama manusia dan saudara seagama dan hubungannya dengan kehidupan. Ianya berbeza mengikut perbezaan umat, keadaan dan masanya yang berlainan (Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing) Surah al Maidah: 48, tetapi dalam syariah nabi Muhammad saw, ianya merangkumi semua mukallaf di kalangan manusia dan jin, bermula dari kerasulannya sehingga hari Kiamat.

Pendekatan Al-Quran dalam seruannya kepada tauhid

Al-Qur'an membawa tauhid yang suci dari segala kesamaran, jauh dari segala kekotoran, dan menyatakan bukti untuk setiap dakwah. Ia menceritakan pendapat orang-orang musyrikin dan Ahli Kitab dan menegaskan sesatnya pendapat mereka.

Al Quran mengarahkan akal, membangkitkan fikiran, menyedarkan fitrah (naluri) yang Allah swt ciptakan manusia iaitu perasaan terhadap pencipta alam semesta. Ia membentangkan sistem alam semesta, ketelitian dan kesempurnaannya pada akal dan memintanya untuk memerhatinya agar sampai kepada keyakinan dan keimanan. Ianya juga mengabungkan antara akal dan agama untuk kali pertama dalam kitab suci melalui lidah nabi yang diutuskan. Seperti yang diketahui, permasalahan agama yang tidak ada jalan untuk akal menyakininya seperti pengetahuan tentang kewujudan Allah swt, kekuasaanNya dan ilmuNya, sekiranya agama itu membawa sesuatu yang sukar difahami, maka perkara itu menjadi mustahil bagi akal. Inilah pendekatan Al-Quran dalam dakwahnya dalam menyampaikan akidah ini.

أما التكاليف الشرعية : (فروع الدين) : وهي النظم التي شرعها الله لعباده ليأخذ الإنسان بما نفسه في علاقته بربه ، وعلاقته باخيه الإنسان واخيه المسلم وعلاقته بالحياة فهي مختلفة باختلاف الأمم وأحوالها وأزمانها ﴿ لكل جعلنا منكم شرعة ومنهاجا ﴾ المائدة : ٤٨ ، لكنها في شريعة سيدنا محمد عمت جميع المكلفين من الانس والجن من مبدعا بعثته الى قيام الساعة .

منهج القرآن في دعوته إلى التوحيد

جاء القرآن الكريم بالتوحيد خالصا من كل شبهة بعيدا عن كل شائبة ، وأقام على كل دعوة دليلها ، وحكى مذهب المخالفين من الشركين وأهل الكتاب ، وأقام البرهان على بطلان مذاهبهم .

وخاطب العقل واستنهض الفكر وأيقظ الفطرة التي فطر الله الناس عليها من الشعور بخالق الكون ، وعرض نظام الأكوان وما فيها من الإتقان والأحكام على أنظار العقول وطالبها بالنظر فيها لتصل بذلك إلى اليقين والإيمان ، وأخى بين العقل والدين لأول مرة في كتاب مقدس على لسان نبي مرسل ، وعرف أن من قضايا الدين ما طريق اعتقاده العقل كالعلم بوجود الله وقدرته وعلمه وأن الدين لو أتى بشيء يعلو على الفهم فلا يمكن أن يكون مستحيلا عند العقل . هذا هو مسلك القرآن في دعوته للعقائد.

Al-Quran menyeru kita untuk mengenal Allah swt, bahawa lanya wujud, sediakala, kekal, tidak menyerupai makhluk, Maha kaya dari sesuatu yang lainnya, Esa pada Zat, sifat-sifat dan PerbuatanNya, yang berhak disembah, suci daripada sekutu, anak dan segala kekurangan, yang bersifat dengan sifat-sifat kemuliaan dan kesempurnaan, pencipta alam semesta yang maha berkuasa, maha berkehendak, maha mengetahui, maha hidup, maha mendengar, maha melihat dan maha bercakap.

Dakwahnya bersandarkan kepada fitrah kejadian manusia iaitu perasaan dalaman (naluri kemanusiaan) bahawa alam ini mempunyai Tuhan yang mencipta dan juga bersandarkan bukti-bukti kejadian alam ini yang Allah swt telah zahirkan.

Firman Allah swt: "Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi (dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya)." (surah Yunus : 101)

Firman Allah swt: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan (pada) pertukaran malam dan siang dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Dia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran." (al Baqarah : 164)

Firman Allah swt: "Dialah Yang Awal dan Yang Akhir". (surah al Hadid :3)

Firman Allah swt: "Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya dan pentadbiranNya)" (surah as Syura : 11)

Allah swt adala Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, firmanNya: "Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa" (Surah al Ikhlas : 1)

Dalil keesaan Allah swt, firmanNya: "Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan)" (surah al Anbiya : 22)

Orang-orang mukallaf diperintahkan beribadah kepadaNya sahaja, Firman Allah swt: "Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua". (surah an Nisa' : 36)

التوحيد كما أتى به القرآن الكريم

دعانا القرآن الكريم إلى معرفة الله . بأنه موجود قديم باقي لا يشبه المخلوقات غني عما سواه واحد في ذاته وصفاته وأفعاله مستحق للعبادة منزه عن الشريك والولد وكل نقص، متصف بصفات الجلال والكمال، وخالق الكون قادر، مرید عالم حي سمیع بصیر متكلم.

واستند في دعواه إلى ما فطر عليه الإنسان من الشعور الباطن بأن للعالم ربا خالقا وما نصبه الله الأدلة الكونية.

فقال الله تعالى : ﴿ قل انتظروا ماذا في السماوات والأرض ﴾ يونس : ١٠١ ،

﴿ إن في خلق السماوات والأرض واختلاف الليل والنهار والفلك التي تجري في البحر بما ينفع الناس وما أنزل الله من السماء من ماء فأحيا به الأرض بعد موتها وبث فيها من كل دابة وتصريف الرياح والسحاب المسخر بين السماء والأرض لآيات لقوم يعقلون ﴾ البقرة : ١٦٤ ،

فالله خالق العالم مؤجود قديم باقي ﴿ هو الأول والآخر ﴾ الحديد : ٣ .

لا يشبه خلقه ﴿ ليس كمثله شيء ﴾ الشورى : ١١

واحد لا شريك له ﴿ قل هو الله أحد ﴾ الإخلاص : ١

وبرهان على وحدانيته ﴿ لو كان فيهما آلهة إلا الله لفسدتا ﴾ الأنبياء : ٢٢ ،

أما المكلفين بعبادته وحده ﴿ واعبدوا الله ولا تشركوا به شيئا ﴾ النساء : ٣٦

Celaan terhadap orang-orang musyrik dan melarang mereka melakukan kejahatan syirik mereka, firman Allah swt: “Patutkah mereka sekutukan Allah dengan benda-benda yang tidak dapat menciptakan sesuatupun, sedang benda-benda itu sendiri diciptakan? (191) Dan benda-benda itu tidak dapat menolong mereka dan tidak juga dapat menolong dirinya sendiri”. (surah Al-A'raf: 191-192)

Firman Allah swt: “(Bagi menjawab bantahan mereka), dia berkata: Patutkah kamu menyembah benda-benda yang kamu pahat? (95) Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!” (surah As-Saffat: 95- 96)

Firman Allah swt: “Allah tidak sekali-kali mempunyai anak dan tidak ada sama sekali sebarang tuhan bersamaNya; (kalaulah ada banyak tuhan) tentulah tiap-tiap tuhan itu akan menguasai dan menguruskan segala yang diciptakannya dengan bersendirian dan tentulah setengahnya akan bertindak mengalahkan setengahnya yang lain. Maha Suci Allah dari apa yang dikatakan oleh mereka (yang musyrik) itu” (surah al Mukminun: 91)

Firman Allah swt: “(Dialah) yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah Dia mempunyai anak sedang Dia tidak mempunyai isteri?” (surah Al-An'am: 101)

Allah swt menyeru mereka kepada tauhid (mengesakanNya), firmanNya: “Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun” (surah Al-Imran: 64)

Allah swt menamakan dirinya dengan nama-nama yang mulia dan menyifatkan zatNya dengan sifat-sifat yang mana manusia tidak boleh menyeruNya dengan nama-nama lain atau menyifatkanNya dengan sifat-sifat lain, firmanNya : “Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dialah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani” (surah Al-Hasyr: 22)

(Dialah) yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah Dia mempunyai anak sedang Dia tidak mempunyai isteri? Dia pula yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan segala-galanya” (101) Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka beribadatlah kamu kepadaNya dan (ingatlah) Dialah yang mentadbirkan segala-galanya (102) Dia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata) dan Dialah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambaNya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya (103) (surah Al-An'am: 101 - 103)

رويح المشركين و نهي عليهم جريمة شركهم ﴿أيشركون ما لا يخلق شيئا وهم يخلقون﴾ (١٩١)
ولا يستطيعون لهم نصرا ولا أنفسهم ينصرون ﴿الأعراف: ١٩١-١٩٢﴾

﴿أتعبدون ما تحتون﴾ (٩٥) والله خلقكم وما تعملون ﴿٩٦﴾ الصافات : ٩٥-٩٦،

ولما قالت اليهود عزيز ابن الله ، وقالت النصارى المسيح ابن الله رد عليهم بقوله ﴿ما اتخذ الله من ولد وما كان معه من إله إذا لذهب كل إله بما خلق ولعلا بعضهم على بعض سبحان الله عما يصفون﴾ المؤمنون: ٩١،

﴿بديع السماوات والأرض أنى يكون له ولد ولم تكن له صاحبة﴾ الأنعام: ١٠١، الآيات الخ ﴿لا تدركه الأبصار﴾^١

ودعاهم إلى التوحيد فقال : ﴿يا أهل الكتاب تعالوا إلى كلمة سواء بيننا وبينكم ألا تعبد إلا الله ولا تشرك به شيئا﴾ آل عمران : ٦٤.

وقد سمي نفسه بأسماء ووصف ذاته بصفات ليس للبشر أن يدعوه بغير أسمائه أو يصفوه بغير صفاته ﴿هو الله الذي لا إله إلا هو عالم الغيب والشهادة هو الرحمن الرحيم الحشر: ٢٢ ، الآيات الخ

^١ بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنَّى يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ وَلَمْ تَكُنْ لَهُ صَاحِبَةٌ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (١٠١) ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ (١٠٢) لَا تَدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ (١٠٣)

Al-Quran menjelaskan pengutusan para rasul dan menguatkannya dengan mukjizat seterusnya menceritakan kepada kita perkara yang wajib kita ketahui tentang mereka. firman Allah swt: “Wahai Nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu) dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar (45) Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufik yang diberinya dan sebagai lampu yang menerangi (46)” (surah al Ahzab: 45 – 46)

firman Allah swt: “Sungguh Kami telah memberikan wahyu kepadamu (wahai Muhammad), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nuh dan Nabi-nabi yang diutus kemudian daripadanya” (An-Nisa ': 163)

firman Allah swt: “supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk beralih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan Rasul-rasul itu” (An-Nisa: 165)

Kita wajib beriman dengan semua rasul, Allah swt berfirman: “Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah dan Malaikat-malaikatNya dan Kitab-kitabNya dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata:) Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulNya (Al-Baqarah: 285)

Para rasul adalah benar dalam dakwah mereka. Sesungguhnya Rasulullah saw telah menyampaikan kepada kita apa yang diwahyukan kepadanya, maka kita beriman dengannya.

Allah swt memberitahu kita tentang perkara-perkara ghaib yang mana kita hanya mengetahui melalui wahyu, seperti malaikat adalah tentera dan hamba-hamba Allah swt yang mulia, yang tidak menderhakai Allah swt pada apa yang diperintahkan dan mereka akan melakukan apa yang diperintahkan.

Allah swt juga memberitahu kita tentang alam jin dan mereka ditugaskan seperti manusia. Sebahagiannya beriman dan sebahagian lagi kafir. Mereka dapat melihat manusia sedangkan manusia tidak dapat melihatnya.

Allah swt juga memberitahu kita tentang jangka masa hidup yang terbatas, kematian dan apa yang terjadi setelahnya seperti pahala, balasan, kenikmatan dan siksaan sebagai melaksanakan janji Allah swt kepada orang-orang yang beriman dan janji-janji-Nya yang buruk kepada orang yang derhaka dan kafir.

وبين القرءان إرسال الرسل وتأييدهم بالمعجزات وقص علينا ما يجب معرفته منهم فقال تعالى : ﴿يا أيها النبي إنا أرسلناك شاهدا ومبشرا ونذيرا (٤٥) وداعيا إلى الله بإذنه وسراجا منيرا﴾ الأحزاب: ٤٥-٤٦

﴿إنا أوحينا إليك كما أوحينا إلى نوح والنبيين من بعده﴾ النساء: ١٦٣

﴿ثملا يكون للناس على الله حجة بعد الرسل﴾ النساء: ١٦٥ .

وأوجب علينا الإيمان بهم جميعا قال تعالى ﴿آمن الرسول بما أنزل إليه من ربه والمؤمنون كل آمن بالله وملائكته وكتبه ورسله لا نفرق بين أحد من رسله﴾ البقره: ٣٨٥ .

وكان الرسل صادقين في دعواهم ، وقد بلغنا الرسول ﷺ ما أوحى به إليه فأما به .

وأخبرنا عن غيبيات لا نعرف إلا عن طريق الوحي كالملائكة جند الله عباد مكرمون لا يعصون الله ما أمرهم ويفعلون ما يؤمرون .

عالم الجن وهم مكلفون كالإنس منهم المؤمنين ومنهم الكافرون . يرون الإنسان لا يراهم الناس .

وعن الأجل المحدود والموت وما بعده من ثواب و عقاب ونعيم وعذاب تنفيذ لوعده الله للمؤمنين ووعيده للعصاة والكافرين .

Allah swt memberitahu kita tentang berakhirnya alam ini dengan tiupan sangka kala yang pertama melalui firman Allah swt: “Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi,

Allah swt memberitahu kita tentang hari kebangkitan melalui firman Allah swt: “kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka dengan serta-merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing)”. (surah az Zumar : 68)

Allah swt memberitahu kita tentang Hari Akhirat dan huru haranya seperti hari perhitungan, buku catatan amalan, berat amalan dan timbangan, titian sirat, Syurga iaitu rumah orang-orang yang beriman, dan neraka iaitu tempat kesudahan bagi orang-orang kafir tinggal di dalamnya untuk selama-lamanya, melalui firman Allah swt: “Kemudian sesiapa yang diberi menerima surat amalnya dengan tangan kanannya (7) Maka dia akan dihisab dengan cara yang mudah dan ringan (8)” (surah al Insiyaaq : 7 – 8)

“Dan sesiapa yang diberi menerima surat amalnya (dengan tangan kiri), dari sebelah belakangnya (10) Maka dia akan meraung menyebut-nyebut kebinasaannya (11) Dan dia akan menderita bakaran Neraka yang marak menjulang (12)” (surah al Insiyaaq : 10 – 12)

“Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun” (al Anbiya’: 47)

“Maka sesiapa yang berat timbangan amal baiknya, maka mereka itulah orang-orang yang berjaya (102) Dan sesiapa yang ringan timbangan amal baiknya, maka merekalah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri; mereka kekal di dalam Neraka Jahanam (103)” (surah al Mukminun : 102 – 103)

Allah swt menyatakan dalil tentang hari kebangkitan dalam banyak ayat-ayatNya, antaranya firman Allah swt: Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur seperti debu? (78) Katakanlah: Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada awal mula wujudnya dan Dia Maha Mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakanNya)(79)” (surah Yasiin : 78 -79)

Tuhan yang telah menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api dari pohon-pohon itu (80) Tidakkah diakui dan tidakkah dipercayai bahawa Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi (yang demikian besarnya) berkuasa menciptakan semula manusia sebagaimana Dia menciptakan mereka dahulu? Ya! Diakui dan dipercayai berkuasa! Dan Dialah Pencipta yang tidak ada bandingNya, lagi Yang Maha Mengetahui (81) Sesungguhnya keadaan kekuasaanNya apabila Dia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Dia berfirman kepada (hakikat) benda itu: Jadilah engkau!. Maka ia terus menjadi (82) Oleh itu akuilah kesucian Allah (dengan mengucap: Subhaanallah!) Tuhan yang memiliki dan menguasai tiap-tiap sesuatu dan kepadaNya kamu semua dikembalikan (83)

وَعَنْ أَمْرِ انْتِهَاءِ الْعَالَمِ بِالْفَيْحِ الْأَوَّلِيِّ ﴿ۛ﴾ وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ ﴿ۛ﴾ الزمر : ٦٨

وَعَنْ الْبَعْثِ ﴿ۛ﴾ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَى فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ ﴿ۛ﴾ الزمر : ٦٨

وَعَنْ الْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا فِيهِ مِنْ أَهْوَالٍ حَسَابٍ وَصَحَائِفِ أَعْمَالٍ، وَوِزْنٍ وَ مِيزَانٍ وَصِرَاطٍ وَجَنَّةٍ هِيَ دَارُ الْمُؤْمِنِينَ ، وَنَارٍ هِيَ مَأْوَى لِلْكَفَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا .

قَالَ تَعَالَى : ﴿ۛ﴾ فَأَمَّا مَنْ أُوْتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ (٧) فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿ۛ﴾

الانشقاق : ٧-٨

﴿ۛ﴾ وَأَمَّا مَنْ أُوْتِيَ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ (١٠) فَسَوْفَ يَدْعُو ثُبُورًا (١١) وَيَصْلَى سَعِيرًا ﴿ۛ﴾

الانشقاق : ١٠-١٢

﴿ۛ﴾ وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا ﴿ۛ﴾ الْأَنْبِيَاءُ: ٤٧

﴿ۛ﴾ فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (١٠٢) وَمَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ الَّذِينَ

خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ فِي جَهَنَّمَ خَالِدُونَ ﴿ۛ﴾ الْمُؤْمِنُونَ : ١٠٢-١٠٣

وَأَقَامَ الْأَدْلَةَ عَلَى الْبَعْثِ فِي كَثِيرٍ مِنْ آيَاتِهِ وَمِنْهَا قَالَ ﴿ۛ﴾ مَنْ يُحْيِي الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ

(٧٨) قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿ۛ﴾ الْآيَاتِ الْخ (يس) ٢ .

٢ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ مِنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا أَنْتُمْ مِنْهُ تُوقَدُونَ (٨٠) أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ بِقَادِرٍ عَلَى أَنْ يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ بَلَى وَهُوَ الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ (٨١) إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ (٨٢) فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ (٨٣)

Mukjizat itu adalah satu cara beriman dengan para utusan dan apa yang mereka bawa daripada perkara-perkara ghaib.

Secara umum, Al-Quran datang dengan asas-asas akidah agama yang wajib diyakini oleh setiap orang Islam dan kufurlah orang yang mengingkarinya..

Kami telah terangkan dengan dalilnya sebelum ini Allah swt bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, maha suci Allah dari setiap kekurangan.

Dia utuskan para rasul untuk membimbing manusia kepada perkara yang memberi kebaikan dalam kehidupan mereka dan tempat kembali mereka.

Rasulullah saw telah menyampai kepada kita semua perkara yang berkaitan dengan asas agama seperti beriman kepada Allah swt, malaikat, kitab-kitab, para rasul, dan hari akhirat.

Oleh itu, golongan Salaf mengambil aqidah ini dari al Quran dan Rasulullah saw dan memahami petunjuk dan nas Al-Qur'an, meyakini Allah swt itu maha suci daripada perkara yang tidak layak bagiNya, mereka menyerahkan pada Allah swt perkara kesamaran seperti firman Allah swt: "(Allah) Ar-Rahman, yang bersemayam di atas Arasy". mereka berkata: Hanya Allah swt yang mengetahui huraiannya. Kami beriman pada setiap aya yang datang dari tuhan kami, diri mereka tidak suka mendalami perbahasannya dengan panjang lebar. Mereka beramal dengan apa yang mereka yakini, dengan penuh keikhlasan.

Keadaan tersebut berterusan sehinggalah berlaku fitnah di zaman Uthman bin 'Affan. Tokoh-tokoh agama lain telah memeluk Islam, ada di kalangan mereka mempunyai perancangan jahat seperti Abdullah bin Saba. Tersebarinya kesamaran di kalangan umat Islam, dan para ulama mereka menjawab segala kesamaran tersebut. kemudian lahirlah kumpulan-kumpulan Islam dan bermulalah penyusunan ilmu Kalam.

- وكانت المعجزة طريق الإيمان بالرسول وما أتوا به من الغيبات
- وبالجملة فقد جاء القرآن بأهم العقائد الدينية التي يجب على كل مسلم اعتقادها ويكفر جاحدها
- نبين بالدليل كما سبق أتصاف الله بكل كمال تنزهه عن كل نقص
- وأنه بعث الرسل لإرشاد الناس إلى ما يصلح حالهم في معاشهم ومعادهم
- وبلغنا الرسول ﷺ كل ما يتعلق بأصول الدين من الإيمان بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر
- فأخذ السلف عن الكتاب العزيز وعن الرسول ﷺ هذه العقائد وفهموا إشارات القرآن ونصوصه معتقدين تنزيه الله عما لا يليق به مفوضين فيما أوهم التشبيه مثل قوله: ﴿الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى﴾ قائلين وما يعلم تأويله إلا الله ، آمننا به كل من عند ربنا ولم تتشوق نفوسهم إلى التوسع في البحث فيها ولا إلى التفصيل وعملوا بما اعتقدوه مخلصين له الدين حنفاء.

مضى الأمر على هذا إلى أن حدثت فتنة سيدنا عثمان وكان قد دخل في الإسلام من أهل الديانات الأخرى من أراد الكيد له أمثال عبد الله بن سبأ وانتشرت الشبهات بين المسلمين وتصدى للرد عليها علماءهم ثم نشأت الفرق الإسلامية وبدأ تدوين علم الكلام.

KEMUNCULAN ILMU KALAM

Banyak perbahasan dalam masalah akidah di zaman pemerintahan Abasiah dan timbul pelbagai bentuk perbahasan yang tidak pernah ada pada zaman nabi s.a.w dan juga tidak ada pada zaman generasi awal sahabat. Perbahasan ini menjadi tumpuan seterusnya membentuk ilmu baru yang dinamakan sebagai ilmu kalam.

Kemunculan ilmu ini mempunyai beberapa faktor sama ada dalaman atau luaran:

Faktor dalaman :

1- Al Quran dalam dakwahnya kepada mentauhidkan keEsaan Allah s.w.t menghadapi tentangan kumpulan-kumpulan besar dan agama-agama lain yang bertebaran di zaman nabi s.a.w. Al Quran telah menangkis kepalsuan kata-kata mereka dan kebiasaannya ulamak-ulamak Islam akan mengikuti cara al Quran dalam menangkis golongan yang menyeleweng. Setiap kali muncul tuduhan memburukkan Islam oleh golongan yang menyeleweng ini maka ulamak Islam juga menangkisnya dengan bentuk baru yang sesuai dengan tuduhan tersebut.

2- Di zaman pemerintahan kerajaan Umawiah perbahasan tentang keimanan ini hampir-hampir tidak wujud perdebatannya. Namun setelah orang Islam berjaya membuka kawasan Islam yang baru dan keadaan menjadi stabil (aman), lalu mereka mula mengkaji maka lahirlah perbezaan pandangan berdasarkan berlainan pendapat dan mazhab.

3- Perselisihan dalam masalah politik menjadi punca berbeza pendapat dalam masalah agama. Parti-parti politik telah menjadi kumpulan agama yang mempunyai pendapat masing-masing. Kumpulan imam Ali r.a yang terdiri daripada golongan syiah (penyokong Ali r.a) dan mereka yang tidak bersetuju dengan majlis Tahkim di kalangan tentera Ali yang terdiri daripada golongan khawarij (penentang Ali r.a) serta mereka yang tidak suka perselisihan di kalangan umat Islam yang merupakan asas mazhab Marjiah.

نشأة علم الكلام

كثُرَ البَحْثُ فِي العَقَائِدِ فِي العَصْرِ العَبَاسِيِّ وَاتَّخَذَ أَلْوَانًا لَمْ تَكُنْ أَيَّامَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَا الأَوَّلِينَ مِنْ صَحَابَتِهِ. وَأَخَذَتِ البُحُوثُ تَتَرَكَّرُ لِيتَكَوَّنَ مِنْهَا عِلْمٌ جَدِيدٌ يُسَمَّى عِلْمَ الكَلَامِ.

ولنشأته أسبابٌ داخليةٌ وأخرى خارجيةٌ :

أما الأسبابُ الدَّاخليةُ فهي :

١- تَعَرَّضَ القُرْآنُ بِجَانِبِ دَعْوَتِهِ إِلَى التَّوْحِيدِ لِأَهَمِّ الفِرَقِ وَالدِّياناتِ الَّتِي كَانَتْ مُنْتَشِرَةً فِي عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَردَّ عَلَيْهِمْ نَقَضَ أَقْوَالِهِمْ فَكَانَ طَبِيعِيًّا أَنْ يَسئَلَكَ عُلَمَاءُ المُسْلِمِينَ مَسئَلَكَ القُرْآنِ الكَرِيمِ فِي الرَّدِّ عَلَى المُخَالَفِينَ وَكُلَّمَا جَدَّدَ المُخَالِفُونَ وَجْهَ الطَّعْنِ جَدَّدَ المُسْلِمُونَ طُرُقَ الرَّدِّ.

٢- كَادَ يَنْتَهِي العَصْرُ الأُمَوِيُّ فِي إِيمَانٍ حَالِصٍ مِنَ الجَدَلِ وَلَمَّا فَرَعَ المُسْلِمُونَ مِنَ الفُتْحِ وَاسْتَقْرؤُوا، وَأَخَذُوا يَنْظُرُونَ وَيَبْحَثُونَ فَاسْتَنْبَعَ هَذَا اخْتِلَافُ وَجْهَةٍ نَظَرِهِمْ فِي اخْتِلَافِ الآرَاءِ وَالمَذَاهِبِ.

٣- الخِلافُ فِي المُسائلِ السِّيَاسِيَّةِ كَانَ سَبَبًا فِي الخِلافِ الدِّيَنِيِّ وَأَصْبَحَتِ الأَحْزَابُ السِّيَاسِيَّةُ فِرْقًا دِيْنِيَّةً لَهَا رَأْيُهَا فَحِزْبُ الإِمَامِ عَلِيِّ كَرَّمَ اللهُ وَجْهَهُ تَكُونُ مِنْهُ الشِّيْعَةُ، وَمَنْ لَمْ يَرْضَ بِالتَّحْكِيمِ مِنْ جُنْدِهِ تَكُونُ مِنْهُ الخَوَارِجُ، وَمَنْ كَرِهَ الخِلافَ المُسْلِمِينَ كَانَ أَسَاسَ مَذْهَبِ المَرْجِيَّةِ.

Faktor Luaran :

1- Ramai orang yang memeluk Islam setelah pembukaan kawasan Islam yang baru yang mana mereka ini menganut pelbagai agama seperti Yahudi, Kristian, Ethis dan lain-lain. Mereka menzahirkan pandangan agama asal mereka dalam bentuk agama baru ini.

2- Kumpulan-kumpulan Islam terdahulu khususnya golongan Mu'tazilah tujuan utamanya adalah mempertahankan Islam dan menangkis tuduhan golongan penyeleweng. Negara Islam menjadi sasaran semua pendapat ini yang berusaha membenarkan pendapat mereka dan menyalahkan pendapat lain.

Golongan Yahudi dan Kristian menggunakan ilmu falsafah dalam hujah mereka. Lalu golongan Mu'tazilah mempelajari ilmu ini supaya mereka dapat mempertahankan Islam dengan menggunakan senjata yang sama dengan golongan tersebut.

3- keperluan ulamak ilmu kalam kepada ilmu falsafah dan mantik memaksa mereka mempelajarinya dan menangkis kesamaran yang ditimbulkan.

أَمَّا الْأَسْبَابُ الْخَارِجِيَّةُ فَهِيَ:

١ - كَثِيرٌ مِمَّنْ دَخَلَ فِي الْإِسْلَامِ بَعْدَ الْفَتْحِ كَانُوا مِنْ دِيَانَاتٍ مُخْتَلَفَةٍ يَهُودِيَّةٍ وَنَصْرَانِيَّةٍ وَدَهْرِيَّةٍ وَعَبْرِيَّةٍ وَقَدْ أَظْهَرُوا آرَاءَ دِيَانَاتِهِمْ الْقَدِيمَةِ فِي لِبَاسِ دِينِهِمْ الْجَدِيدَةِ.

٢ - جَعَلَتْ الْفِرْقُ الْإِسْلَامِيَّةُ الْأُولَى وَخَاصَّةً الْمُعْتَزَلَةُ هُمَهَا الْأُولَى الدِّفَاعُ عَنِ الدِّينِ وَالرَّدُّ عَلَى الْمُخَالَفِينَ وَكَانَتْ الْبِلَادُ الْإِسْلَامِيَّةَ مَعْرُضًا لِكُلِّ هَذِهِ الْأَرْءِ يُحَاوِلُ كُلُّ فَرِيقٍ تَصْحِيحَ رَأْيِهِ وَأَبْطَالَ رَأْيِ غَيْرِهِ.

وَقَدْ تَسَلَّحَتْ الْيَهُودِيَّةُ وَالنَّصْرَانِيَّةُ بِالْفَلَسَفَةِ فَدَرَسَهَا الْمُعْتَزَلَةُ لِيَسْتَطِيعُوا الدِّفَاعَ بِسِلَاحِ يُمَاتِلُ سِلَاحَ مَنْ يُهَاجِمُهُمْ.

٣ - حَاجَةُ الْمُتَكَلِّمِينَ إِلَى الْفَلَسَفَةِ وَالْمَنْطِقِ اضْطَرَّتْهُمْ إِلَى دِرَاسَتِهَا وَالرَّدُّ عَلَى مَا فِيهَا مِنْ شُبُهَةٍ.

KEMUNCULAN KUMPULAN-KUMPULAN ISLAM

Jawatan khalifah merupakan masalah utama yang menjadi pertelingkahan umat Islam. Antara kesan pertelingkahan ini melahirkan beberapa kumpulan Islam utama :

- 1- Syiah : golongan ini berpendapat orang yang paling berhak menjadi khalifah selepas Rasulullah ialah Ali bin Abu Tolib.
- 2- Khawarij : golongan ini tidak bersetuju dengan majlis Tahkim dan mereka menentang Ali r.a.
- 3- Marjiah : golongan ini tidak suka perselisihan dan menjauhi kedua-dua kumpulan tersebut.

Apabila orang Islam selesai membuka kawasan baru Islam dan ramai penganut pelbagai agama memeluk Islam maka lahirlah idealogi-ideologi baru yang terbentuk dari agama asal dalam bentuk wajah agama baru mereka.

Iraq khususnya Basrah merupakan pusat agama dan idealogi. Lahir perbezaan pendapat dalam masalah usuluddin yang mana ada kumpulan yang menafikan “sifat berkehendak” pada manusia. Ketuanya ialah Jahm bin Safwan yang mengasaskannya dan antara pengikutnya ialah kumpulan Jabariah yang diketuai Ma’bad al Jahn, maka lahirlah satu kumpulan ditengah–tengah kecelauan fikiran dan dasar yang membentuk indentiti setiap kumpulan.

Satu kumpulan yang ikhlas cuba menjelaskan akidah orang Islam mengikut al Quran, antara tokoh yang paling terkenal ialah Hasan al Basri. Ianya adalah kesan daripada perbezaan pendapat antara beliau dengan muridnya Wasil bin Ata’ dalam masalah “hokum orang yang melakukan dosa besar yang telah mati dan tidak sempat bertaubat dari dosanya” yang membentuk kumpulan Mu’tazilah yang mempunyai jasa besar dalam mempertahankan akidah ini pada kurun kedua hijrah. Dan tidak boleh dilupakan juga timbulnya perpecahan di kalangan umat Islam adalah disebabkan oleh golongan Mu’tazilah.

نَشَأَةُ الْفِرَقِ الْإِسْلَامِيَّةِ

كَانَتْ الْخِلَافَةُ هِيَ الْمَسْأَلَةُ الَّتِي اشْتَدَّ نِزَاعُ الْمُسْلِمِينَ فِيهَا وَكَانَ مِنْ أَثَرِ هَذَا النِّزَاعِ تَكْوِينُ فِرَقٍ مِنْ أَكْبَرِ الْفِرَقِ الْإِسْلَامِيَّةِ

١- الشِّيْعَةُ: وَهُمْ الَّذِينَ يَرَوْنَ أَنَّ الْأَحَقَّ بِالْخِلَافَةِ بَعْدَ رَسُولِ اللَّهِ عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ.

٢- الْخَوَارِجُ: هُمْ الَّذِينَ لَمْ يَرْضُوا التَّحْكِيمَ وَخَرَجُوا عَلَى الْإِمَامِ عَلِيٍّ.

٣- الْمَرْجِيَّةُ: هُمْ الَّذِينَ كَرِهُوا الْخِلَافَ وَابْتَعَدُوا عَنِ الْفَرِيقَيْنِ.

وَلَمَّا انْتَهَى الْمُسْلِمُونَ مِنَ الْفَتْحِ وَدَخَلَ فِي الْإِسْلَامِ كَثِيرٌ مِنْ أَصْحَابِ الدِّيَانَاتِ الْأُخْرَى أَخَذَتْ تَطَهَّرَ أَفْكَارٌ جَدِيدَةٌ صَبَعَتْ مِنَ الدِّيَانَاتِ الْقَدِيمَةِ فِي ثَوْبِ دِينِهِمُ الْجَدِيدِ.

وَكَانَ الْعِرَاقُ وَخُصُوصًا الْبَصْرَةُ مَوْطِنًا لِجَمِيعِ الْمَلَائِكَةِ وَالنَّحْلِ. فَطَهَرَ الْخِلَافَ فِي أَصُولِ الدِّينِ حِينَ قَامَتْ جَمَاعَةٌ يَقُولُونَ بِسَلْبِ إِرَادَةِ الْإِنْسَانِ عَلَى رَأْسِهِمْ جَهْمُ بْنُ صَفْوَانَ الَّذِي تَكُونُ مِنْهُ، وَمِنْ أَتْبَاعِهِ فِرْقَةُ الْجَبْرِئِيَّةِ وَيَتَزَعَّمُهُمْ مَعْبَدُ الْجَهْنِيِّ، فَتَشَأَتْ طَائِفَةٌ وَسَطَ هَذَا الْإِضْطِرَابِ الْفِكْرِيِّ وَالْمَبَادِيِ الَّتِي كَوْنَتْهَا كُلُّ فِرْقَةٍ لِنَفْسِهَا

وَقَامَ جَمَاعَةٌ مِنَ الْمُخْلِصِينَ يَشْرَحُونَ عَقَائِدَ الْمُسْلِمِينَ عَلَى طَرِيقَةِ الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ وَمِنْ أَشْهُرِهِمُ الْحُسَيْنُ الْبَصْرِيُّ وَكَانَ مِنْ اخْتِلَافِهِ مَعَ تَلْمِيذِهِ وَاصِلِ بْنِ عَطَاءٍ فِي حُكْمِ مُرْتَكِبِ الْكَبِيرَةِ الَّذِي مَاتَ وَلَمْ يَتُبْ مِنْ ذَنْبِهِ تَكُونُ فِرْقَةُ الْمُعْتَزِلَةِ الَّتِي كَانَ لَهَا الْفَضْلُ الْأَوَّلُ فِي الدِّفَاعِ عَنِ الْعَقِيدَةِ كُلِّ هَذَا فِي أَوَائِلِ الْقَرْنِ الثَّانِي الْهَجْرِيِّ، وَلَا تَنْسَ مَا نَشَأَ مِنْ فِرْقَةٍ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ بِسَبَبِ الْمُعْتَزِلَةِ.

Pada akhir kurun ke-3 dan awal kurun ke-4, lahir imam Abu Mansur al Maturidi dan berusaha menangkis pandangan golongan akidah sesat kemudian terbentuklah bersama pengikutnya kumpulan al Maturidiyah. Sebagaimana lahir imam Abu Hasan al Asy'ari dan berpisah daripada Mu'tazilah dan menyatakan pegangannya yang baru yang dipersetujui oleh ulama Islam sama ada ulama fekah dan hadis kemudian lahirlah kumpulan Asya'irah.

Daripada dua kumpulan ini terbentuklah kumpulan ahli sunnah. Kerana inilah kami berpendapat kemunculan kumpulan-kumpulan ini berasaskan dua perkara:

Pertama : Perselisihan tentang jawatan khalifah.

Kedua : Perselisihan dalam masalah akidah.

وَفِي أَوَاخِرِ الْقَرْنِ الثَّلَاثِ وَأَوَائِلِ الْقَرْنِ الرَّابِعِ ظَهَرَ الْإِمَامُ أَبُو مَنْصُورٍ الْمَاتُرِيدِيُّ وَاشْتَعَلَ بِالرَّدِّ عَلَى أَصْحَابِ الْعَمَائِدِ الْبَاطِلَةِ وَتَكُونُ مِنْهُ وَمِنْ أَتْبَاعِهِ فِرْقَةُ الْمَاتُرِيدِيَّةِ، كَمَا ظَهَرَ الْإِمَامُ أَبُو الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيُّ وَأَعْلَنَ انْفِصَالَهُ عَنِ الْمُعْتَزِلَةِ وَبَيَّنَّ مَبَادِيئَهُ الْجَدِيدَةَ الَّتِي وَافَقَ عَلَيْهَا عُلَمَاءُ الْمُسْلِمِينَ مِنَ الْفُقَهَاءِ وَالْمُحَدِّثِينَ وَظَهَرَتْ بِهَا فِرْقَةُ الْأَشَاعِرَةِ.

وَمِنْ هَاتَيْنِ الْفِرْقَتَيْنِ تَكُونَتْ جَمَاعَةُ أَهْلِ السُّنَّةِ. لِهَذَا نَرَى أَنَّ نَشَأَةَ الْفِرْقِ تَرْجِعُ إِلَى أَمْرَيْنِ :

الأول : الخِلافةُ على الإمامة.

الثاني : الخِلافُ في الأصول.

MU'TAZILAH

Asas kemunculan golongan ialah perbalahan Wasil bin Ata' dengan gurunya Hasan al Basri dalam masalah "hukum orang yang melakukan dosa besar" dan beliauulah mengasaskan kumpulan Mu'tazilah.

Peristiwa tersebut berlaku ketika beliau adalah antara orang yang berada dalam kuliah agama Hasan al Basri lalu datang seorang lelaki menemui Hasan al Basri dan berkata : "Wahai tuan guru, telah lahir pada zaman kita ini sekumpulan yang mengkafirkan orang yang melakukan dosa besar, mereka ialah golongan Khawarij dan golongan yang menyatakan Iman tidak akan tergugat dengan maksiat sebagaimana ketaatan tidak memberi kebaikan kepada kekufuran, mereka ialah golongan Marjiah". Lalu Hasan berfikir sejenak. Sebelum beliau menjawab Wasil bin Ata' berkata : "Aku tidak kata orang yang melakukan dosa besar itu mukmin atau kafir tapi sebenarnya ia berada di antara kedua-duanya". Kemudian dia pergi ke penjuru masjid dan berpegang dengan pandangan ini seterusnya menyebarkan di Madinah pada tahun 70 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 131H.

Peristiwa ini berlaku di Basrah dan mazhabnya tersebar di iraq dan dipegang beberapa khalifah kerajaan Bani Umayyah sebagaimana juga dipegangi oleh beberapa khalifah Bani Abbasiyah dan mereka mempunyai dua sekolah salah satunya di Basrah dan keduanya di Baghdad. Di antara kedua-dua sekolah ini berlaku perselisihan pendapat dalam banyak masalah.

الْمُعْتَزِلَةُ

أَسَاسُ نَشَأَتِهِمْ اخْتِلَافُ وَاصِلِ بْنِ عَطَاءٍ مَعَ أَسْتَاذِهِ الْحَسَنِ الْبَصْرِيِّ فِي حُكْمِ مُرْتَكِبِ الْكَبِيرَةِ، وَإِلَيْهِ تَنْصُبُ طَائِفَةُ الْمُعْتَزِلَةِ.

وَذَلِكَ أَنَّهُ كَانَ يَمُنُّ بِجَلِيسٍ فِي دَرَسِ الْحَسَنِ الْبَصْرِيِّ فَدَخَلَ رَجُلٌ عَلَى الْحَسَنِ الْبَصْرِيِّ، وَقَالَ : يَا إِمَامَ الدِّينِ ظَهَرَ فِي زَمَانِنَا جَمَاعَةٌ يَكْفُرُونَ مُرْتَكِبِ الْكَبِيرَةِ وَهُمْ الْخَوَارِجُ وَجَمَاعَةٌ يَرِجُّونَ الْحُكْمَ، وَيَقُولُونَ لَا تَضُرُّ مَعَ الْإِيمَانِ مَعْصِيَةٌ كَمَا لَا تَنْفَعُ مَعَ الْكُفْرِ طَاعَةٌ، وَهُمْ الْمَرْجِيَّةُ. فَتَفَكَّرَ الْحَسَنُ، وَقَبِلَ أَنْ يُجِيبَ قَالَ وَاصِلٌ : أَنَا لَا أَقُولُ أَنَّ صَاحِبَ الْكَبِيرَةِ مُؤْمِنٌ مُطْلَقٌ وَلَا كَافِرٌ مُطْلَقٌ بَلْ هُوَ فِي مَنْزِلِ بَيْنِ الْمَنْزِلَيْنِ. ثُمَّ انْتَحَى مِنْ نَاحِيَةِ مِنَ الْمَسْجِدِ وَأَخَذَ يُفَرِّرُ هَذَا الْمَذْهَبَ بِالْمَدِينَةِ سَنَةَ ٧٠ هـ. وَتُوِّفِيَ سَنَةَ ١٣١ هـ،

وَكَانَ هَذَا بِالْبَصْرَةِ وَانْتَشَرَ مَذْهَبُهُمْ فِي الْعِرَاقِ وَاعْتَنَقَهُ بَعْضُ الْخُلَفَاءِ بَنِي أُمَيَّةٍ كَمَا اعْتَنَقَهُ بَعْضُ الْخُلَفَاءِ الْعَبَّاسِيِّينَ. وَكَانَ هُمْ مَدْرَسَتَانِ أَحَدُهُمَا بِالْبَصْرَةِ وَالْآخَرُ بِبَغْدَادٍ. وَقَامَ بَيْنَ الْمَدْرَسَتَيْنِ جِدَالٌ وَخِلَافٌ فِي كَثِيرٍ مِنَ الْمَسَائِلِ.

CARA GOLONGAN INI MEMBUAT KAJIAN/PERBAHASAN

Akal menentukan setiap perkara dan berusaha mencari hakikat sesuatu perkara dengan cara ini. Mereka mempunyai peranan besar dalam mempertahankan Islam kerana mereka menentang golongan akidah sesat dan agama lain dengan hujah dan bukti-bukti yang kukuh”.

Namun golongan Mu'tazilah keterlaluan dalam sesetengah pendapat mereka dan mereka bermusuhan dengan tokoh-tokoh ulamak fekah dan hadis. Khalifah Abbasiyah menyokong mereka seperti khalifah Makmun dan mengajak orang ramai berpegang dengan mazab mereka. Para ulamak dan ahli hadis terpaksa menghadapi pelbagai ujian disebabkan oleh mereka yang menjadikan orang ramai menentang ulamak ini dan menyifatkan mereka telah keluar dari agama ini (supaya jelas bahawa akal dipengaruhi oleh persekitaran dan hawa nafsu dan Syara' itu ialah lampu yang menyinari jalan di hadapan akal).

DASAR-DASAR MU'TAZILAH

A) Tauhid:

- 1- Wajib mengenal Allah s.w.t melalui akal.
- 2- Mengingkari sifat Ma'ani bagi Allah dan berkata al Quran itu adalah makhluk.
- 3- Menafikan dapat melihat Allah s.w.t di akhirat kerana ini akan menunjukkan Allah itu berjisim dan berpihak.

B) Adil:

- 1- Mereka berpendapat : Baik dan buruk ditentukan oleh akal.

C) Janji Baik dan Buruk:

- 1- Allah s.w.t mahu kebaikan dan tidak mahu kejahatan, maka wajib bagiNya melakukan Solah (kebaikan).
- 2- Manusia mencipta perbuatannya sendiri secara sukarela dengan kuasa yang diberikan oleh Allah s.w.t kepadanya.
- 3- Wajib menunaikan janji baik dan buruk serta wajib mengutus rasul kepada manusia.

طريقتهم في البحث

تحكم العقل في كل شيء ومحاوله للوصول عن طريقه إلى كل شيء. ولهم فضل عظيم في الدفاع عن الإسلام لأنهم قاوموا أصحاب العقائد الباطلة والأديان الأخرى بالحجة والبرهان.

ولكن تطرف المعتزلة في بعض آرائهم، وخصومتهم للأئمة الفقه والحديث ومعاونة الخلفاء العباسيين لهم مثل المأمون مع حملهم الناس إلى الأخذ بمذهبهم وما أصاب الفقهاء والمحدثين من الحن بسببهم جعل الناس يحملون عليهم ويصفونهم بالمروق عن الدين (ليك معلوما أن العقل يتأثر بالبيئة والهوى وأن الشرع هو المصباح الذي ينير الطريق أمام العقل).

مبادئ المعتزلة

(أ) التوحيد

- ١- وجوب معرفة الله تعالى بالعقل
- ٢- انكار صفات المعاني والقول بخلق القرآن
- ٣- نفي رؤية الله تعالى لما تقتضيه من التجسيم والجهة

(ب) العدل

- ٤- القول بالحسن والقبح العقليين

(ج) الوعد والوعيد

- ٥- الله يريد الخير ولا يريد الشر، ويجب عليه فعل الصلاح والإصلاح لعباده.
- ٦- العبد يخلق أفعال نفسه الاختيارية بقدرة أودعها الله فيه.
- ٧- وجوب تنفيذ في الوعد والوعيد، ووجوب ارسال الرسل.

D) Kedudukan antara syurga dan neraka:

- 8- Orang yang melakukan dosa besar berada di antara syurga dan neraka serta mereka tidak mendapat syafaat.

E) Menyuruh perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran:

- 9- Wajib menyuruh perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran.

(ج) المنزلة بين المنزلتين

٨- مرتكب الكبيرة في منزلة بين المنزلتين ولا شفاعة له

(هـ) الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر

٩- وجوب الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر

AHLI SUNNAH

Kumpulan Ahli Sunnah terdiri daripada dua kumpulan iaitu al 'Asya'irah (pengikut imam al Hasan al 'Asy'ari) dan al Maturidiyah (Pengikut Abu Mansor al Maturidi).

Kumpulan ini muncul pada zaman khalifah al Mutawakil setelah baginda meghilangkan penderitaan golongan fuqaha' dan ahli hadis serta meminggirkan golongan Mu'tazil dan baginda mendampingi para ulama Islam yang menjadi seteru mereka. Golongan Muktazilah ini telah hilang penguasaan pemikiran mereka kesan daripada orang ramai yang tidak mempercayai lagi terhadap mereka.

Kesamaran yang ditulis oleh golongan Mu'tazilat telah lama wujud dalam persekitaran Islam. Bagi mempertahankan Islam, Allah swt menzahirkan dua tokoh yang mulia iaitu imam Abu al-Hasan al-Asy'ari di negara Iraq dan Abu Mansur al Maturidi di negeri Ma wara' an Nahr³.

Ianya memimpin gerakan pemikiran dengan cara yang bijaksana, tidak melampau dari sudut akal seperti golongan Muktazilah dan tidak hanya tertumpu pada nas sahaja seperti golongan ahli fiqh dan ahli hadis bahkan sebenarnya tidak ada ruang untuk sebarang pandangan sekiranya ada nas yang menjelaskannya.

³ Ma Wara' al-Nahar (Negara-negara di balik Sungai Sihun atau hari ini disebut Sungai Amodarya) .Ia merupakan kawasan di selatan Laut Aral (Laut Khawarizm) iaitu negara Uzbekistan, Kirghizia, Tajikistan dan Turkeministan.

أهل السنة

تتكون جماعة أهل السنة من فريقى الأشاعرة وهم أتباع أبي الحسن الأشعري والماتريدية وهم أصحاب أبي منصور الماتريدي.

وقد نشأت الجماعة عندما رفع (المتوكل) المحنة عن الفقهاء والمحدثين وأبعد لمعتزلة، وقرب خصومهم من علماء المسلمين. وفقدت المعتزلة السيطرة الفكرية نتيجة عدم ثقة الرأي العام بهم.

وبدأت الشبهات التي كتبها المعتزلة زمنا طويلا تظهر في البيئة الإسلامية فقيض الله للدفاع عن الإسلام إمامين جليلين هما أبو الحسن الأشعري ببلاد العراق وأبو منصور الماتريدي ببلاد ما وراء النهر.

وقاد الحركة الفكرية قيادة حكيمة لا تطرف فيها من ناحية العقل كالمعتزلة ولا وقوف عند النص كراي الفقهاء والمحدثين لكن الحق أنه لا رأي مع وجود النص.

CARA GOLONGAN INI MEMBUAT KAJIAN/PERBAHASAN

Cara Ahli Sunnah wal jamaah dalam memahami akidah adalah mengikut golongan Salafus Soleh, mereka menjadikan al Quran sebagai sumber rujukan yang digunakan untuk memperkenalkan akidah mereka. mereka memahami akidah mereka melalui ayat-ayat al Quran. Sebahagiannya mereka berusaha memahami dari sudut gaya bahasa dan mereka tidak mengabaikan dari sudut akal. Sekiranya mereka tidak mampu untuk memahaminya, mereka serahkan perkara tersebut kepada Allah swt.

Secara ringkasnya mereka telah mengambil jalan tengah yang merangkumi antara sumber naqli (al Quran, hadis) dan akal. Dasar-dasar mereka tidak berbeza dengan dasar golongan salafussoleh dan apa yang dinyatakan oleh golongan fuqha', ahli hadis serta imam-imam yang menjadi ikutan umat Islam.

Lahirnya golongan ini pada akhir kurun ke 3 Hijrah dan awal kurun ke 4 Hijrah. Kemunculan golongan ini membantu ulamak fiqh dan ahli hadis. Mereka disokong oleh setiap lapisan masyarakat (pemerintah dan rakyat jelata). Mereka menjawab segala pemikiran Muktaizilah dan menjadi pelindung kepada agama Islam.

Pemimpin al Maturidiah iaitu Abu Mansur al Maturidi lahir di kampung Maturid, di daerah Samarqand. Beliau seorang yang mulia, hebat dalam pelbagai ilmu agama dan menjadi satu mazhab dalam ilmu Kalam, pengikutnya adalah masyarakat Khurasan. Beliau meninggal dunia pada tahun 322 H.

طريقتهم في البحث

كانت طريقة أهل السنة في فهم العقائد ما كان عليه السلف الصالح جعلوا القرآن الكريم المنهل العذب الذي يلجأون إليه في تعريف عقائدهم فكانوا يفهمون عقائدهم من الآيات القرآنية عليهم منها حاولوا فهمه بما توحىه أساليب اللغة ولا تنكره العقول . فإن تعذر عليهم توقفوا وفوضوا.

وبالجملة فقد سلك طريقا وسطا جمع بين العقل والنقل ولم تختلف مبادئهم في الجملة عن مبادئ السلف الصالح وما أعلنه الفقهاء والمحدثون والأئمة المتبعون.

وكان ظهور هذه الجماعة في أواخر القرن الثالث الهجري وأوائل القرن الرابع وكان ظهورها انتصارا للفقهاء والمحدثين وقد أيدتها الخاصة والعامة وردت على المعتزلة وقامت مكائهم في الدفاع عن الدين.

وزعيم الماتريدية أبو منصور الماتريدي المولود بقرية (ماتريد) من أعمال سمرقند وكان حنيفا نبغ في علوم الدين وصار له مذهب في علم الكلام تبعه أهل خراسان وتوفي سنة .٣٢٢

Pemimpin al Asya'rah ialah Abu al Hasan al Asy'ari, lahir di Basrah pada tahun 260 H. Beliau adalah daripada golongan Mukta'zilah kemudian beliau mengasingkan diri mengajisehingga satu hari beliau menemui orang ramai dengan kitab-kitabnya dalam membantu Ahli Sunnah dan menjawab pemikiran Mukta'zilah. Ahli fiqh dan ahli hadis mengikut beliau dan menjadikannya sebagai imam/pemimpin. Beliau meninggal dunia pada tahun 330 atau lebih. Tidak ada perselisihan pendapat antara al Asya'rah dan al Maturidiyah kecuali beberapa perkara kecil seperti makrifah itu melalui akal atau syarak, Pengertian iman dan Islam, pengertian Qada' dan Qadar, pengertian usaha, wajibnya pembalasan dan lain-lain lagi yang biasanya berlaku di antara ahliahli di dalam sesuatu kumpulan dan ianya tidak membawa kepada perbezaan dalam mazhab.

أما زعيم الأشاعرة فهو أبو الحسن الأشعري المولود بالبصرة سنة ٢٦٠ هـ وكان من أهل الإعتزال ثم خلا بنفسه يبحث حتى خرج على الناس بمؤلفاته في نصرته أهل السنة والرد على المعتزلة وتبعه أهل الفقه والحديث واتخذوه أمما لهم. وتوفي سنة نيف وثلاثين وثلاث مائة. ولم يكن بين الأشاعرة والماتريدية خلاف إلا في أمور يسيرة؛ مثل كون المعرفة بالعقل أو الشرع؛ ومفهوم الإيمان والإسلام ومعنى القضاء والقدر ومعنى الكسب ووجوب العقاب وغير ذلك مما يقع عادة بين أهل الطريقة الواحدة ولا يقضى تخالفا في المذهب.

Dasar (asas pegangan) Ahli Sunnah wal Jama'ah:

1. Wajib mengenal Allah swt dengan syara'
2. Baharunya alam ini
3. Iman ialah Membenarkan dengan hati, dan beramal kesempurnaan iman.
4. Adanya sifat ma'ani bagi Allah swt
5. Qadimnya al-Quran
6. Tidak wajib bagi Allah swt sesuatu pun
7. Antara perkara harus pada hak Allah swt ialah memberi ganjaran pahala dan memberi balasan seksaan, mengutuskan para rasul dan melihat Allah swt.
8. Allah swt inginkan kebaikan (dan menyukainya) dan inginkan keburukan (dan tidak menyukainya)
9. Qada dan Qdar pada perbuatan hamba berbentuk ikhtiari (sukarela/pilihan).
10. Allah swt mencipta perbuatan hambaNya berbentuk ikhtiari (sukarela/pilihan).
11. Terpelihara daripada dosa itu hanya bagi para nabi.
12. Adanya soal jawab di alam kubur, nikmatnya dan azabnya
13. Bangkitnya jasad dan roh.
14. Syafaat untuk orang yang melakukan dosa besar
15. Adanya Surga dan neraka serta kekal kedua-duanya
16. Jawatan pemimpin tertinggi bukanlah satu rukun agama.

مبادئ أهل السنة

- ١- طريق وجوب المعرفة بالشرع.
- ٢- حدود العالم
- ٣- الإيمان هو التصديق والعمل كمال له.
- ٤- اثبات صفات المعاني
- ٥- قدم القرآن الكريم
- ٦- لا يجب على الله تعالى شيء
- ٧- من الجائز في حقه تعالى الثواب والعقاب وإرسال الرسل ورؤية الله تعالى.
- ٨- الله يريد الخير والشر.
- ٩- القضاء والقدر في أفعال العباد الاختيارية
- ١٠- الله خالق لأفعال العباد الاختيارية .
- ١١- لا عصمة إلا للأنبياء
- ١٢- ثبوت سؤال القبر ونعيمه وعذابه.
- ١٣- البعث للجسم والروح
- ١٤- الشفاعة لأهل الكبائر
- ١٥- وحود الجنة والنار وخلودهما
- ١٦- الإمامة العظمى ليست ركناً من الدين.

PENGENALAN ASAS ILMU TAUHID

Pengertiannya

Tauhid dari sudut **bahasa**: mengetahui bahawa sesuatu itu adalah satu.

Dari sudut **syarak**: Zat yang disembah dengan ibadat⁵ (Meng-Esakan Allah dengan ibadat) serta meyakini ke-Esaan tersebut pada zat, sifat-sifat dan perbuatannya.

Tauhid ada dua jenis yang sentiasa berkait rapat:

Pertama: Berbentuk amali, Zat yang disembah dengan ibadat. Ianya dinamakan tauhid Uluhiyyah⁶.

Kedua: Berbentuk kepercayaan, iaitu meyakini ke-Esaan tersebut pada zat, sifat-sifat dan perbuatannya.

- Tidak memadai salah satu sahaja tanpa yang kedua. Ini dinamakan tauhid Rububiyah⁷

Terdapat jenis **ketiga** iaitu: Tauhid Asma' wa Sifat⁸.

Dari segi **istilah** (bidang penulisan ilmu ini):

Tauhid ialah ilmu yang membicarakan tentang zat Allah dan sifat-sifatNya, Zat para rasulNya dan keadaan makhluk dari sudut permulaannya (kehidupan dunia) dan kesudahannya (kehidupan akhirat) berdasarkan hukum Islam.

- Perbincangan tentang zat Allah dari segi sifat-sifat yang wajib bagiNya, sifat-sifat yang mustahil dan sifat-sifat yang harus.

- Perbincangan tentang zat para rasul dari segi sifat-sifat yang wajib bagi mereka, sifat-sifat yang mustahil dan sifat-sifat yang harus. Juga perbincangan tentang risalah sama ada ianya satu anugerah atau hasil usaha.

- Perbincangan tentang keadaan makhluk :

*pada permulaannya (kehidupan di dunia) iaitu dari segi baharunya dengan **cara pilihan**, bukan dengan **cara bersebab**, dan

* pada kesudahannya (kehidupan selepas mati), iaitu dari segi dihidupkan kembali di Akhirat. Ia adalah perkara ghaib seperti perhimpunan di padang mahsyar, perhitungan, Syurga, Neraka, dan lain-lain.

⁵ Kata nama yang merangkumi semua perkara yang dikasihi dan diredhai oleh Tuhan seperti kata-kata, amalan sama ada tersembunyi atau nyata, seperti solat, bercakap jujur, menerima ketetapan dan ketentuan Allah dan semua perkara yang dinyatakan Syarak

⁶ Meyakini bahawa hanya Allah yang berhak disembah dan Dia tidak boleh disekutukan dengan apa pun juga

⁷ Meyakini bahawa Allah sahaja yang mencipta seluruh alam ini dan menguruskannya.

⁸ Mengesakan Allah ta'ala pada nama dan sifatNya (meyakini bahawa Allah bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, dan sama-sekali tidak bersifat dengan segala sifat kekurangan).

مقدمة في مبادئ علم التوحيد

التعريف

التوحيد لغة : العلم بأن الشيء واحد.

وفي الشرع : أفراد المعبود بالعبادة^٤ مع اعتقاد وحدته والتصديق به ذاتا وصفاتا وأفعالا.

التوحيد قسمان متلازمان :

أحدهما : العملي وهو أفراد المعبود بالعبادة ويسمى توحيد الألوهية.

الثاني : إعتقادي وهو إعتقاد وحدته في الذات والصفات والأفعال

- ولا يكفي أحدهما بدون الآخر ويسمى توحيد الربوبية

وهناك قسم ثالث : وهو توحيد الأسماء والصفات..

وفي الاصطلاح بمعنى الفن المدون :

علم يبحث فيه عن ذات الله وصفاته وذات رسله وأحوال الممكنات من حيث المبدأ والمعاد على قانون الإسلام .

- البحث عن ذات الله من حيث ما يجب لها من الصفات وما يستحيل وما يجوز .

- البحث عن ذات الرسل من حيث ما يجب لهم وما يستحيل عليهم وما يجوز في

حقهم ، وعن الرسالة من حيث كونها منحة أو اكتسابا

- البحث عن أحوال الممكنات من حيث المبدأ أي من حيث حدوثها بالإختيار لا

بالتعليل، ومن حيث المعاد أي من حيث أعادتها وأحوالها في الآخرة هي الأمور

السمعية كالخشر والحساب والجنة والنار وغيرها.

^٤ اسم جامع لكل ما يحبه الله ويرضاه من الأقوال والأعمال الباطنة والظاهرة كالصلاة وصدق الحديث والرضا بالقضاء والقدر وكل ما ورد به الشرع.

* Perbahasan ini dibatasi dengan hukum Islam sehingga tidak bertentangan dengan Syarak dan tidak merosakkan akidah, seperti kajian ahli falsafah di luar lingkaran Syarak.

Tauhid dengan definisi lain:

Tauhid adalah ilmu yang dapat menyatakan kepercayaan agama kepada orang lain dan mewajibkan mereka mengemukakan hujah dan menolak keraguan.

* **Topik perbincangannya:** Zat Allah, zat para rasul-Nya, dan perkara mungkin di mana ia membawa kepada adanya Penciptanya dan perkara ghaib yang perlu dinyakini.

Faedah dan hasil ilmu tauhid ini: Faedahnya banyak mengikut keadaan yang berbeza.

- Berdasarkan kekuatan pemikiran seseorang: menjadikan seseorang akan berubah dari taqlid kepada keyakinan penuh.
- Berdasarkan kekuatan ilmu : menjadikan seseorang itu ikhlas dalam beramal mengikut tahap mengenal Allah swt, takut terhadap azabNya dan mengharapkan rahmahNya.
- Berdasarkan kepada orang lain : ianya membimbing seseorang dengan menjelaskan dalil kepadanya dan penentangannya perlu menyatakan hujah menolaknya.
- Berdasarkan kepada asas agama : ianya dapat menolak perkara kesamaran daripada mencemari agama.
- Berdasarkan kepada perkara cabang dalam agama: ianya dapat menjadi asas kepada ilmu-ilmu syarak, apabila tidak terbukti bahawa seseorang itu adalah seorang alim yang diutus kepada para rasul dan diturunkan kitab, maka tidak akan tergambar adanya ilmu tafsir, hadis, fekah dan usul.

Agama digunakan pada **bahasa** mempunyai beberapa maksud, antaranya: ketaatan dan ibadah, atau pembalasan dan perhitungan.

Dari sudut **istilah** : Hukum hakam yang Allah swt tetapkan untuk hamba-hambaNya melalui lidah Nabi-Nya, **atau** ketetapan Allah yang membimbing orang-orang yang berakal yang bersih dengan pilihan mereka yang baik kepada perkara yang memberi kebaikan sebenar untuk mereka..

- Dinamakan Din: kerana kita berhutang padanya dan kita mengikutinya

- Dinamakan Millah: kerana Allah menyampaikannya kepada Rasul dan menyampaikannya kepada umat manusia.

- Dinamakan Syarak: kerana Allah menetapkannya untuk kita, iaitu, Dia menjelaskannya melalui lidah Nabi-Nya.

* هذا البحث مقيد بقانون الإسلام بحيث لا يصادم الشرع ولا يفسد العقيدة كبحث الفلاسفة الخارج عن دائرة الشرع .

يعرف بتعريف آخر :

هو علم يقتدر معه على إثبات العقائد الدينية على الغير والزامها أياه بإيراد الحجج ودفع الشبهه.

* **موضوعه:** ذات الله وذات رسله والممكن من حيث أنه يتوصل به إلى وجود صانعه والسمعيات من حيث اعتقادها.

فائدته وثمرته: تتعدد باعتبارات مختلفة .

- بالنسبة لقوة الشخص الفكرية : الإنتقال من التقليد الى اليقين ،
- بالنسبة لقوته العملية : الإخلاص في العمل فإنه يكون بقدر معرفة الله تعالى والخوف من عذابه والطمع في رحمته.
- بالنسبة إلى الغير : إرشاد المسترشد بإيضاح الدليل له والزام المعاند الحجة عليه.
- بالنسبة لأصول الدين⁹ : دفع الشبهات عنها.
- بالنسبة لفروع الدين : بناء العلوم الشرعية عليه إذا لم يثبت أنه عالم مرسل للرسول منزل للكتب لم يتصور علم تفسير وحديث وفقه وأصول

⁹ الدين يطلق لغة على عدة معان منها الطاعة والعبادة أو الجزاء والحساب واصطلاحا : ما شرعه الله لعباده من الأحكام على لسان نبيه أو هو وضع إلهي سائق لذوى العقول السليمة باختيارهم المحمود إلى ما هو خير لهم بالذات،

- وسمى ديننا : لأننا ندين له وننقاد
- ويسمى ملة لأن الله أملاه على الرسول أملاه على الأمة
- ويسمى شرعا لأن الله شرعه لنا أي بينه على لسان نبيه.

Faedah umumnya ialah mengenal Allah swt dengan bukti yang kukuh dan mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat

Penulisnya: (penulis dan penyusunnya, kerana tauhid adalah risalah setiap nabi).

- 1- Wasil bin Ataa' dan pengikutnya
- 2- Abu Mansur al-Maturidi dan pengikutnya
- 3- Abu al Hasan Al-Ash'ari dan pengikutnya.

Nama ilmu ini: ilmu tauhid kerana perbincangan mengesakan Allah adalah perbincangan yang paling menonjol.

- Ianya dinamakan ilmu Kalam kerana banyaknya membicarakan tentang sifat Kalam, atau kerana mereka dalam menterjemahkan (menjelaskan) sesuatu persoalan, ini membicarakan tentang sesuatu perkara dan itu membicarakan tentang sesuatu perkara lain pula.

Hukumnya: Fardu ain bagi setiap mukallaf.

- Sekurang-kurang pengetahuan yang terhasilnya fardu ain ini adalah mengetahui akidah dengan dalil secara umum.
- Mengetahui secara terperinci adalah fardu kifayah.

Kedudukan ilmu ini: Ia adalah asas ilmu agama dan perkara yang lain adalah cabang daripadanya.

Kelebihannya: Ia adalah ilmu yang paling mulia kerana berkait dengan zat Allah dan zat para rasul-Nya.

Permasalahannya: isu-isu yang dikaji tentang perkara yang wajib, perkara yang mustahil, dan perkara yang harus pada hak Allah swt dan pada hak para rasulNya dan tentang perkara ghaib.

Sumbernya: Diamambil daripada dalil yang diyakini, dalil akal serta dalil al Quran dan sunnah.

والفائدة الجامعة معرفة الله تعالى بالبراهين القطعية والفوز بسعادة الدارين الدنيا والآخرة .

واضعه : (أي كاتبه ومدونه، لأن التوحيد رسالة كل نبي).

١- واصل بن عطاء وأتباعه

٢- أبو منصور الماتريدي وأتباعه

٣- أبو الحسن الأشعري وأتباعه.

اسمه : علم التوحيد لأن مبحث الوجدانية أشهر مباحثه

- يسمى علم الكلام لكثرة الكلام في صفة الكلام أو لأنهم كانوا يقولون في ترجمة مسائل الكلام عن كذا والكلام عن كذا.

حكمه : الوجوب العيني على كل مكلف،

- وأقل ما يتحقق به هذا الواجب معرفة العقائد بالأدلة الإجمالية

- وأما المعرفة التفصيلية فوجوبها كفائي،

نسبته : هو أصل العلوم الدينية وما سواه فرع منه.

فضله : إنه أشرف العلوم لتعلقه بذات الله وذات رسوله.

مسائله : القضايا الباحثة عما يجب وما يستحيل وما يجوز في حق الله وفي حق الرسل وعن السمعيات.

استمداده : من الأدلة اليقينية العقلية والنقلية .

Dijadikan bagi tuntutan dan pilihan iaitu menjadikan sesuatu sebagai sebab, syarat atau penghalang (kepada sesuatu hukum).

- 1- **Sebab**¹³: sesuatu yang dipastikan dari tiadanya maka tiadalah sesuatu hukum dan dari adanya ada sesuatu hukum pada hakikatnya, seperti: waktu gelincir matahari itu menjadi sebab wajibnya solat Zohor.
- 2- **Syarat**: sesuatu yang dipastikan dari tiadanya maka tiadalah sesuatu hukum dan tidak semestinya dari adanya ada sesuatu hukum atau tiada sesuatu hukum, seperti: bersuci bagi solat.
- 3- **Halangan**: sesuatu yang dipastikan dari adanya maka tiadalah sesuatu hukum dan tidak semestinya dari tiadanya ada sesuatu hukum atau tiada sesuatu hukum, seperti: haid apabila ianya ada maka tidak wajib solat dan tidak semestinya apabila haid itu tidak ada maka wajib solat atau tidak wajib kerana bergantung kewajipan solat itu kepada sebab-sebab yang lain.

(2) HUKUM ADAT¹⁴

Hukum adat ialah menetapkan hubungan antara sesuatu perkara dengan sesuatu perkara yang lain sama ada ianya wujud atau tidak dengan perantaraan percubaan berkali-kali secara nyata sahaja bukan (secara nyata atau tidak nyata)

- seperti hukum bahawa api itu membakar, makan makanan itu akan mengenyangkan, air itu boleh menghilangkan dahaga.

- Sesuatu perkara itu terhasil hukumnya dengan sekurang-kurang dua kali pengulangan.

¹³ **Sebab** ialah sesuatu yang menjadi asas wujudnya sesuatu hukum, atau sesuatu yang ada hukum disisinya

¹⁴ Hukum adat disisi Asyairah sebagaimana dikupas dalam al-Muqaddimat oleh Imam al-Sanusi:

1. Kaitan antara wujud dengan wujud; Seseorang itu kenyang kerana dia makan.
2. Kaitan antara tidak wujud dengan tidak wujud; Seseorang tidak kenyang kerana tidak makan.
3. Kaitan antara wujud dengan tidak wujud; Seseorang itu lapar kerana dia tidak makan.
4. Kaitan antara tidak wujud dengan wujud; Seseorang itu tidak lapar kerana dia makan.

- وأما الوضع لهما أي الطلب والاباحة : فهو جعل الشيء سببا أو شرطا أو مانعا.

١- السبب : ما يلزم من عدمه العدم ومن وجوده الوجود بالنسبة لذاته، مثل: الزوال فإنه سبب لوجوب الظهر .

٢- الشرط : ما يلزم من عدمه العدم ولا يلزم من وجوده وجود ولا عدم، مثل الطهارة بالنسبة للصلاة.

٣- المانع : ما يلزم من وجوده العدم ، ولا يلزم من عدمه وجود ولا عدم، مثل : الحيض يلزم من وجوده عدم وجوب الصلاة ولا يلزم من عدمه وجود ولا عدم لتوقف وجوبها على أسباب أخرى.

(٢) الحكم العادي

هو إثبات الربط بين أمر وأمر وجودا وعدما بواسطة تكرار **القرائن** بينهما على الحس لا (الظاهر والباطن)،

- كالحكم بأن النار تحرق والأكل يشبع والماء يروى

- وأقل ما يتحقق به التكرار مرتين .

Hukum ini tidak bermaksud bahawa api itu sendiri yang memberi kesan, bahkan *iqdiran* (percubaan berkali-kali) ini boleh menyalahi hukum tersebut kerana bukti menunjukkan bahawa yang memberi kesan sebenar pada semua perkara adalah Allah swt. Oleh kerana itu, pernyataan sebenar tentang hubungan antara *sebab* dan *musabab*¹⁵ itu adalah hukum adat.

- Sesiapa yang percaya bahawa *sebab* memberi kesan pada *musabab* secara semula jadi, maka dia adalah kufur.
- Sesiapa yang mengatakan bahawa memberi kesan itu secara quwwah (andaian) yang diberikan oleh Allah swt pada perkara tersebut, maka dia adalah orang fasik.
- Sesiapa pun yang mengatakan bahawa yang memberi kesan adalah Allah swt, tetapi hubungan di antara kedua-duanya adalah secara akal, maka ini tidak dapat diterima kerana bimbang kepercayaan ini akan mendorongnya untuk menolak perkara yang menyalahi, seperti mukjizat para nabi: Oleh itu, ianya hanyalah hubungan antara kedua-duanya itu secara hukum adat. Pendapat inilah yang dipegang oleh kebanyakan Ahlul Sunnah.

¹⁵ Contohnya, ubat dan rawatan adalah *sabab*, sembuh penyakit yang diubati adalah *musabab*

- وليس معنى هذا الحكم أن النار مؤثرة بذاتها بل هذا الإقتران يصح تخلفه لأن الدليل قام على أن المؤثر في جميع الأشياء هو الله سبحانه وتعالى ولهذا كان الحق أن الإرتباط بين الأسباب ومسبباتها عادي،

○ فمن اعتقد أن الأسباب تؤثر في مسبباتها بطبيعتها فهو كافر ،

○ ومن قال أن التأثير بقوة أودعها الله فيها فاسق.

○ ومن قال إن المؤثر هو الله ولكن الإرتباط بينهما عقلي فهذا غير مقبول مخافة أن يجره إعتقاده هذا إلى إنكار ما خالف العادة كمعجزات الأنبياء : ولم يبق إلا أن الإرتباط بينهما عادي وهو ما عليه جمهور أهل السنة .

(3) HUKUM AKAL

Hukum akal ialah menetapkan sesuatu perkara kepada suatu perkara yang lain, atau menafikan suatu perkara daripada perkara yang lain tanpa terhenti kepada pengulangan (percubaan berkali-kali) dan sesuatu yang menetapkannya.

- Jika bergantung pada pengulangan, maka itu adalah hukum adat, atau berdasarkan sesuatu yang telah ditetapkan, maka itu adalah hukum syarak

Dan ketahuilah bahawa setiap apa yang ditetapkan oleh akal,

- sekiranya ia boleh menerima **thubut** (menetapkan ada) dan nafi (menafikan ada), maka itu adalah perkara harus,
- sekiranya ia hanya menerima **thubut** (menetapkan ada) sahaja maka itu adalah perkara wajib,
- sekiranya ia hanya menerima **nafi** (menafikan ada), maka itu adalah perkara mustahil,

Oleh itu hukum akal terbahagi kepada tiga bahagian:

- 1- Wujub (wajib).
- 2- Istihalah (mustahil)
- 3- Jawaz (harus)

(٣) الحكم العقلي

هو اثبات أمر لأمر أو نفيه عنه من غير توقف على تكرار ولا وضع واضح.

- فإن توقف على تكرار فهو العادي أو على وضع واضح فالشرعي

واعلم أن كل ما حكم به العقل إن قبل الثبوت والنفي فهو الجائز وإن لم يقبل إلا الثبوت

فهو الواجب وإن لم يقبل إلا العدم فهو المستحيل

- ولهذا انقسم الحكم العقلي إلى ثلاث أقسام:

(١) الوجوب

(٢) الاستحالة

(٣) الجواز

PERBAHASAN TENTANG WAJIB, MUSTAHIL DAN HARUS

Wajib ialah perkara yang tetap yang tidak menerima penafian pada hakikatnya.

Wujub ialah *thubut* (menetapkan ada) yang tidak menerima *intifa* (menafikan ada).

Ianya terbahagi kepada dua bahagian:

1. **Wajib dharuri** : sesuatu perkara yang diketahui akal tanpa perlu membuat penelitian dan kajian
contoh: sesuatu jirim itu (wajib pada akal kita ianya) bertempat.
Anak itu lebih muda usianya berbanding ayahnya.
2. **Wajib nazari** : sesuatu yang tidak dapat diketahui oleh akal kecuali setelah membuat penelitian dan kajian.
contoh : qidam dan ilmunya Allah swt

Mustahil ialah sesuatu yang tidak dapat digambarkan pada akal kewujudannya
iaitu sesuatu yang tidak dipercayai wujudnya

Istihalah ialah *intifa* (menafikan ada) yang tidak menerima *thubut* (menetapkan ada)

Ianya terbahagi kepada dua bahagian:

1. **Mustahil dharuri** : sesuatu perkara yang diketahui akal mustahilnya perkara tersebut tanpa perlu membuat penelitian dan kajian
contoh: sesuatu jirim itu tidak bergerak dan tidak diam pada satu masa.
atau sesuatu jirim itu bergerak dan diam pada satu masa.
2. **Wajib nazari** : sesuatu yang tidak dapat diketahui oleh akal mustahilnya perkara tersebut kecuali setelah membuat penelitian dan kajian.
contoh : berbilang-bilang tuhan (sekutu bagi Allah) dan dustanya para rasul.

مبحث الواجب والمستحيل والجائز

الواجب : هو الثابت الذي لا يقبل الانتفاء لذته.

- الوجوب : هو الثبوت الذي لا يقبل الانتفاء.

ينقسم إلى قسمين :

١- **ضروري** : هو ما لا يتوقف إدراك وجوبه على نظر،

مثل: التحيز للجرم وصغر الولد عن أبيه.

٢- **نظري** : ما توقف إدراك وجوبه على نظر واستدلال،

مثل: قدم الإله وعلمه .

المستحيل : ما لا يتصور العقل وجوده ، أي ما لا يصدق بوجوده.

- الإستحالة : هي الإنتفاء الذي لا يقبل الثبوت.

وهو قسمان:

١- **ضروري** : هو ما لا يحتاج في إدراك استحالته إلى بحث،

مثل: خلو الجرم عن الحركة والسكون أو ثبوتها معاً له.

٢- **نظري** : هو ما احتاج في ادراك استحالته إلى نظر واستدلال،

مثل: تعدد الإله وكذب الرسل.

Harus ialah sesuatu yang diterima pada akal kewujudannya dan ketiadaannya
 atau sesuatu yang diterima pada akal kewujudan dan ketiadaan pada hakikatnya.

Jawaz ialah diterima kewujudannya dan ketiadaannya

lanya terbahagi kepada dua bahagian:

1. **Harus dharuri** : sesuatu yang diketahui akal harusnya tanpa perlu membuat penelitian dan kajian
 contoh: sesuatu jirim itu bergerak atau diam.
2. **Harus nazari** : sesuatu yang tidak dapat diketahui oleh akal harusnya kecuali setelah membuat penelitian dan kajian.
 contoh : menyiksa orang yang taat dan memberi pahala kepada orang yang membuat maksiat. Perkara ini adalah harus pada hukum akal dan tidak boleh pada hukum syarak.

Akal tidak dapat mengetahui harusnya perkara tersebut kecuali setelah menerima hakikat bahawa hanya perbuatan Allah swt sahaja yang tidak akan ditanya tentang apa yang Dia lakukan.

* **Jaiz lizatihi**¹⁶ (harus pada hakikatnya) :

- kadang-kadang menjadi **wajib lighairih**¹⁷ , ini apabila ta'alluq ilmu Allah swt dengan adanya perkara tersebut, contoh: iman Abu Bakar.
- kadang-kadang menjadi **mustahil lighairih**, apabila ta'alluq ilmu Allah swt dengan adanya perkara tersebut, contoh: iman Abu Jahal

¹⁶ hukum asalnya adalah harus

¹⁷ wajib atau mustahil bergantung kepada perkara luaran yang berkaitan dengannya (ilah sesuatu perkara itu terbit). Contohnya dalam situasi normal, minum air hukumnya adalah harus. Hukum ini boleh bertukar menjadi wajib jika tidak minum air menyebabkan mudarat.

الجائز: ما يصح في نظر العقل ثبوته وعدمه أو ما يقبل الثبوت والعدم لذاته.
 - الجواز : هو قبول الثبوت والعدم.

وهو قسمان:

١- ضروري : هو ما لا يتوقف إدراك جوازه على بحث واستدلال،
 مثل: الحركة أو السكون بالنسبة للجسم.

٢- نظري : ما توقف إدراك جوازه على بحث واستدلال،
 مثل: تعذيب المطيع وإثابة العاصي فهو ممكن عقلا ممتنع شرعا.

- فإن العقل لا يدرك جواز ذلك إلا بعد الوقوف بالدليل على أن الفعل الله وحده
 وأنه لا يسأل عما يفعل.

* أن الجائز لذاته - قد يكون واجبا لغيره، وذلك إذا تعلق علم الله بوجوده كإيمان أبي بكر
 - وقد يكون مستحيلا لغيره - إذا تعلق علم الله بعدمه كإيمان أبي جهل

الفرق بين الحكم العقلي والشرعي والعادي		
الحكم العادي	الحكم الشرعي	الحكم العقلي
إثبات الربط بين أمر وأمر وجودا وعدمه بواسطة تكرار القرائن بينهما على الحسن.	هو خطاب الله تعالى المتعلق بأفعال المكلفين بالطلب أو الإباحة أو الوضع لهما.	إثبات أمر الأمر أو نفيه عنه من غير توقف تجرية ولا وضع واضح.

PERBAHASAN TENTANG MAKRIFAH

Pengertiannya:

Makrifah ialah mengetahui secara jazam (jelas yang tidak berbelah bahagi) yang menepati sebenar melalui dalil

- Makrifat tidak terhasil dengan cara syak¹⁹, waham²⁰, zan²¹ atau keyakinan yang tidak menepati sebenar seperti kepercayaan para ahli falsafah bahawa “dunia ini sedia kala”, dan kepercayaan orang Kristian Trinita, dan yang bersifat dengan sesuatu yang disebut dalam kepercayaan orang kafir.
- Makrifat tidak terhasil dengan i'tiqad jazim (keyakinan yang tidak berbelah bahagi) yang menepati sebenar melalui cara taqlid²².

Apakah yang perlu dalam mengenali Allah swt?

- Tidaklah dituntut dalam mengenali Allah swt itu mengetahui Zat-Nya
- Namun yang dimaksudkan dengan mengenali Allah adalah mengetahui siapa yang wajib, apa yang mustahil, dan apa yang harus bagi Allah swt kerana lemahnya akal untuk mengetahui hakikat Zat Allah swt.

Oleh kerana itulah, Al-Quran menunjukkan kita agar melihat pada kesan-kesannya yang menunjukkan kesempurnaan dan kesucian Allah swt daripada menyerupai makhlukNya. Ini sebagai menyekat dari berusaha mengenali Zat Allah swt. Al Quran mengalihkan perhatian kita daripada berusaha untuk berfikir pada sudut tersebut.

Allah swt berfirman: “Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka beribadatlah kamu kepadaNya dan (ingatlah) Dialah yang mentadbirkan segala-galanya (102) Dia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata) dan Dialah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambaNya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya (103) (surah al An’am : 102 & 103)

¹⁹ **Syak** : Keraguan yang sama kuat atau sama banyak terhadap sesuatu perkara

²⁰ **Waham** : Keraguan yang dialami oleh seseorang yang mana antara keduanya lebih mirip atau cenderung kepada yang lemah atau tidak kukuh

²¹ **Zan** : Berat sangka atau sangkaan yang lebih hampir kepada kebenaran

²² **Taqlid** : pengamalan yang bersandarkan pendapat orang lain tanpa disertai hujah yang menuntut kewajipan pengamalan tersebut

معناها: الإدراك الجازم المطابق للواقع عن دليل.

- فلا تتحقق المعرفة بالشك ولا بالوهم ولا بالظن ولا بالإعتقاد غير المطابق للواقع كاعتقاد الفلاسفة قدم العالم واعتقاد النصارى التثليث والمتصف بشيء مما ذكر في العقائد كافر.

- ولا تتحقق المعرفة بالاعتقاد الجازم المطابق للمواقع عن تقليد.

ما المطلوب معرفته بالنسبة لله تعالى ؟

- ليس المطلوب في معرفة الله تعالى ادراك ذاته

- إنما المقصود من معرفته هو معرفة¹⁸ ما يجب له وما يستحيل وما يجوز لقصور

العقول عن إدراك حقيقة الذات

لهذا ارشدنا القرآن الكريم إلى النظر في آثاره الدالة على كماله وتنزهه عن المماثلة لخلقه

سدا الباب التطلع إلى معرفة الذات وصرفا لنا عن محاولة التفكير في هذا الجانب

قال تعالى ﴿ ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ

وَكَيْلٌ ﴿١٠٢﴾ لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾ ﴿

الأنعام: ١٠٢-١٠٣.

¹⁸ ما يجب له عقلا و شرعا إجمالا وتفصيلا وما يستحيل وما يجوز له من الصفات.

Rasulullah saw telah menerangkan perkara ini dengan larangan yang jelas agar tidak mengkaji hakikat Zat Allah swt.

Sabda baginda: *"Berfikir tentang nikmat Allah swt dan makhluk-Nya,, jangan berfikir tentang zat Nya, sesungguhnya kamu tidak mampu melakukannya"*.
(sekiranya kamu berfikir tentang zatNya, maka kamu tidak mampu mengagungkanNya dengan sebenar)

Sabda baginda lagi: *"Berpikirlah tentang ciptaan dan jangan kamu berpikir tentang Pencipta kerana fikiran tidak mampu untuk mengetahuiNya"*

Apabila hanya Allah swt sahaja yang mengenal Allah swt, maka tinggalkanlah untuk mencari dan mengkaji tentang hakikatNya kerana kemampuan akal fikiran itu terbatas dengan persekitaran alam semesta di mana pancaindera boleh berfungsi dan dapat membuat perbandingannya. Adapun perkara yang berada di luar alam semesta, bagaimana seseorang itu dapat mencapainya dengan pancaindera tidak boleh berfungsi pada keadaan tersebut.

Kelemahan manusia ini adalah bukti tinggi Zat untuk dikaji oleh kemampuan akal yang terbatas. Kelemahan ini adalah salah satu dari akidah beriman dengan Allah swt.

Seumpama akal dalam melihat Hakikat Zat Allah swt begitu juga mata, apabila ia berterusan melihat jirim matahari. Mata mempunyai lapisan yang menghalangnya daripada melihat dengan sempurna, begitu juga akal mempunyai unsur kebingungan dan kehairanan yang menggagunya memahami dengan sempurna.

وبين الرسول ﷺ هذا بالنهي الصريح عن البحث في حقيقة الذات،

- فقال : "تفكروا في آلاء الله ومخلوقاته ولا تفكروا في ذاته فإنكم لن تقدروا قدره"
(أى أن فكرتم في ذاته فما عظمتموه حق تعظيمه)

- وقال : "تفكروا في الخلق ولا تفكروا في الخالق فإنه لا تحيط به الفكرة".

فإذا لا يعرف الله إلا الله فترك الإدراك والبحث عن الحقيقة لأن دائرة العقل محدودة بالكون الذي تتصل به حواسه وتحرى فيه مقارناته أما ما وراء الكون فأني يصل إليه من لا صلة له به .

فالعجز من الانسان برهان على سمو الذات عن الدخول في دائرة العقل المحدودة وهذا العجز عقيدة من عقائد الإيمان بالله تعالى .

ومثل العقول في النظر إلى ذات الله تعالى ، كمثل الأبصار إذا استمرت تنظر إلى جرم الشمس فكما أن الأبصار تعجزها كدرة وظمه تمنعها من تمام الأبصار^{٢٣} فكذلك تعجز العقول^{٢٤} حيرة ودهشة تقطع عليها إدراكها.

^{٢٣} ما دليبه عقلي وهو ما توقف عليه المعجزة كوجوده وقدمه وبقائه ومخالفته للحوادث وقدرته وإرادته وعلمه وحياته ولوازمها.

^{٢٤} ما دليبه نقلي وهو السمع والبصر والكلام ولوازمها.

HUKUM MAKRIFAH (MENGENAL ALLAH SWT)

Hukumnya adalah Wajib dan ia menjadi **wajib aini** dalam mengenal setiap akidah, walaupun dengan dalil secara umum, dan menjadi **wajib kifayah** dalam mengenal akidah itu dengan dalil secara terperinci.

- Maksud **dalil ijmal**: sesuatu yang tidak mampu bagi mukallaf menghurainya secara terperinci dan menolak kesamaran daripadanya.
- Maksud **dalil tafsil**: sesuatu yang mampu dilakukan oleh mukallaf untuk menegakkan hujah dan menolak kesamaran daripadanya.
- Maksud **wajib makrifah**: mendapat pahala kerana melakukannya dan mendapat seksaan kerana tidak melakukannya.

Dalil wajib mengenal Allah swt:

- 1- Firman Allah swt: “Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah” (Surah Muhammad : 19)
 - Perintah mengenal Allah dan ianya mesti berdasarkan dalil/bukti.
- 2- Sabda Rasulullah saw: “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia hingga mereka bersaksi bahwa tidak ada tuhan selain Allah”
 - Kesaksian itu datang dari pengetahuan, dan pengetahuan itu hanya boleh diperolehi melalui dalil/bukti.
- 3- Antara dalil lain ialah **ijmak** (sepakat para ulamak),. kerana umat Islam telah sepakat tentang wajibnya iman iaitu pengetahuan ilmiah dan kepastian dengan dalil dan bukti. Umat Islam juga **sepakat wajibnya ibadat** seperti solat, puasa, zakat dan haji. Tidak dapat digambarkan ibadat itu kecuali setelah mengenali Allah swt (tuhan yang disembah).
 - Menkenal Allah swt itu adalah perlu didahulukan dari **kewajipan yang disepakati** itu, kerana itu mengenal Allah swt juga adalah kewajipan yang disepakati.

حكم المعرفة

حكمها: الوجوب^{٢٥} يكون عينيا في معرفة كل عقيدة ولو بدليلها الإجمالي، ويكون كفائيا في المعرفة بالدليل التفصيلي.

- معنى الدليل الإجمالي: هو ما يعجز المكلف عن تفصيله ورد الشبهة عنه
- معنى الدليل التفصيلي: هو ما يقتدر معه على إقامة الحجة ودفع الشبهات عنه .
- معنى وجوب المعرفة: الإثابة على فعلها والعقاب على تركها.

الدليل على وجوب المعرفة:

- ١- قوله تعالى: ﴿فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ﴾ مُحَمَّد: ١٩، أمر بالعلم وهو لا يكون إلا على دليل.
- ٢- قول الرسول ﷺ: (أمرت أن أقاتل الناس حتى يشهدوا أن لا إله إلا الله) - فالشهادة ما كانت عن علم، والعلم لا يكون إلا عن دليل .
- ٣- وقد استدل أيضا بالإجماع، وذلك أن الأمة قد أجمعت على وجوب الإيمان الذي هو المعرفة العلمية والإيقان بالدليل والبرهان وأجمعت على وجوب العبادة من صلاة وصيام وزكاة وحج ولا تتصور العبادة إلا بعد معرفة المعبود .
 - فمعرفة المعبود مقدمة للواجب المجمع عليه فهي واجب مجمع عليه .

^{٢٥} ما اختلف فيه وهو الوجدانية والأصح أن دليلها عقلي.

Adakah wajib mengenal Allah itu wajib usul atau wajib cabang?

Ulamak berselisih pendapat tentang perkara ini:

- Sekumpulan ulamak mengatakan: Mengenal Allah itu wajib usul. Sesiapa yang tidak memperolehi kewajipan ini, maka ia adalah kafir.
- sekumpulan lain mengatakan: Mengenal Allah itu wajib cabang. Sesiapa yang meninggalkannya, maka ia adalah orang berdosa seperti orang yang meninggalkan solat.

Siapa yang wajib Mengenal Allah swt?

lanya wajib bagi setiap mukallaf : orang yang sampai umur, berakal, sejahtera pancaindera dan sampai seruan dakwah (Islam).

- Mengenal Allah swt itu tidak wajib bagi kanak-kanak kecuali menurut pendapat mazhab Hanafi, apabila kanak-kanak itu mumayyiz, kerana mereka menganggap mumayyiz kanak-kanak sudah memadai bagi kewajipan tersebut.
 - Orang gila dan tidak mempunyai pancaindera (pendengaran dan penglihatan), mereka tidak wajib mengenal Allah swt.
 - Seumpama orang gila juga ialah orang mabuk yang tidak keterlaluan sehingga mencapai tahap gila atau mabuk. Adapun orang yang waras, kemudian gila (tidak siuman) atau mabuk, maka keadaannya mengikut situasi sebelum dia menjadi gila atau mabuk sama ada beriman atau kufur.
 - Sampai dakwah (seruan Islam),
 - o perkara ini dikira (sebagai syarat untuk mengenal Allah swt) mengikut ulamak yang mengatakan wajib mengenal Allah swt itu dengan dalil syarak, maka orang yang dibesarkan di kawasan pergunungan yang tinggi, dia bukan mukallaf dan tidak dianggap oleh seseorang yang memerlukan pengetahuan tentang akal.
 - o perkara ini tidak dikira (sebagai syarat untuk mengenal Allah swt) mengikut mereka yang mengatakan wajib mengenal Allah swt itu dengan akal.
- **Syarat-syarat taklif:** sampai umur, berakal, sejahtera pancaindera dan sampai dakwah (seruan Islam) - ini syarat taklif bagi manusia
 - Golongan jin, mereka adalah mukallaf semenjak diciptakan lagi.
 - Golongan malaikat, pengetahuan mereka adalah berbentuk jabaliah (mengikut kehendak Allah swt).

هل وجوب المعرفة وجوب أصول أو وجوب فروع؟

خلاف بين العلماء :

- فريق يقول : بوجوبها وجوب أصول فمن لم يحصل هذا الواجب كافرا.
- فريق آخر يقول : بوجوبها وجوب فروع فتاركها عاص كالذي يترك الصلاة.

من تجب عليه المعرفة؟

- يجب على كل مكلف : وهو البالغ العاقل السليم الحواس الذي بلغته الدعوة.
- فمعرفة الله لا تجب على الصبي إلا عند الأحناف إذا كان مميزا لأنهم يعتبرون تميزه كافيا في الوجوب .
 - أما المجنون وفاقد الحواس (أى السمع والبصر)) فلا وجوب عليهما،
 - ومثل المجنون السكران غير المتعدى أن بلغ مجنوننا أو سكرانا . أما أن بلغ عاقلا ثم جن أو سكر فهو على ما كان قبل جنونه أو سكره من إيمان أو كفر.
 - وأما بلوغ الدعوة ،
- فهو معتبر عند من يوجب المعرفة بالشرع ، فمن لم تبلغه الدعوة كمن نشأ في شاهق جبل فليس مكلفا
 - غير معتبر عند من يوجب المعرفة بالعقل ،

- شروط التكليف : البلوغ ، والعقل ، وسلامة الحواس وبلوغ الدعوة هذا في الإنس
- أما الجن فهم مكلفون من أصل الخلقة،
- أما الملائكة فمعرفةتهم جبلية.

Adakah dikira dakwah dari sesiapa sahaja nabi, kerana semua nabi adalah sama pada perkara usul, jadi salah satu dari mereka ditugaskan untuk menyampaikan dakwah (perkara usul), tidak perkara cabang, kerana ianya berbeza mengikut perbezaan nabi, **atau** perlu kepada dakwah nabi pada zamannya?

- Ada dua pendapat ulamak dan **pendapat yang kedua** itu lebih tepat.

Taklif

Taklif adalah kewajipan sesuatu perkara yang mempunyai bebanan dan kesulitan. Ianya hanya merangkumi perkara wajib dan haram, tidak termasuk perkara makruh, sunat dan harus.

atau Taklif adalah tuntutan sesuatu yang mempunyai bebanan, maka ianya merangkumi semua perkara itu kecuali perkara harus.

Dinamakan hukum-hukum ini sebagai hukum taklifi kerana ianya berkait dengan mukallaf.

- Perbuatan kanak-kanak dan binatang, tidak dikira dan bukan harus, kerana harus itu ialah perkara yang tidak ada dosa jika melakukan atau meninggalkannya.

Cara wajib mengenal Allah swt

Setelah sepakat ulamak yang dikira ijmaknya tentang wajib mengenal Allah sw, namun berbeza pendapat tentang cara wajib mengenal Allah swt, adakah wajib itu wajib pdasa syarak atau wajib pada akal.

Maksud (المشروع) adalah mengutuskan salah seorang utusan, bukan hukum-hukum syarak

هل المعتبر دعوة أي نبي كان لأن جميع الأنبياء متفقون في الأصول فأحدهم كلف في التبليغ دون الفروع لأنها تختلف باختلاف الأنبياء أو لا بد من دعوة نبي زمانه ؟

- قولان والثاني هو الأصح .

التكليف

هو إلزام ما فيه كلفة ومشقة فلا يشمل إلا الوجوب والحرمة ، دون الكراهة والندب والإباحة، أو هو طلب ما فيه كلفة فيشمل ما عدا الإباحة.

سميت هذه الأحكام : تكليفية باعتبار تعلقها بالمكلف.

- أما أفعال الصبي والبهائم فمهملة لا مباحة لأن المباح : ما لا إثم في فعله أو تركه.

طريق وجوب المعرفة

بعد إجماع من يعتد بإجماعهم على وجوب المعرفة اختلفوا في طريق وجوبها هل هو الشرع أو العقل،

والمراد من المشرع بعثة أحد الرسل لا الأحكام الشرعية .